

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 129

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek bina baru SMK Kanibongan, Pitas. Kenapakah sehingga kini bangunan ini gagal disiapkan sepenuhnya, apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kerajaan di dalam memastikan projek ini siap sepenuhnya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Kanibongan, Pitas telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2016), RMKe 11. Skop kerja bagi projek pembinaan ini meliputi membina bangunan gantian 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan dengan kos berjumlah RM29 juta.

Projek ini sedang dalam pembinaan dan mengalami kelewatan. Sehingga 31 Mei 2019, status pelaksanaan adalah 70.9 peratus berbanding jadual 100 peratus. Antara faktor penyumbang kepada kelewatan ini adalah terdapatnya perubahan kerja yang perlu dilakukan semasa proses pembinaan yang melibatkan kerja pemecahan batu dan perubahan orientasi bangunan serta kerja-kerja lain yang berkaitan dengan perubahan tersebut.

Bagi menangani masalah ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan Surat Amaran Kemungkiran kepada pihak kontraktor sejak Februari 2017 sehingga April 2019. Paling terkini Notis Tujuan Penamatan telah dikeluarkan pada 28 Mei 2019 kepada pihak kontraktor untuk menyiapkan projek ini dengan seberapa segera. Pihak KPM, walau bagaimanapun akan terus memantau dengan lebih dekat lagi terhadap projek ini dari semasa ke semasa dan akan sentiasa mencari langkah terbaik bagi memastikan projek ini dapat disempurnakan dalam masa yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 32